

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 17, 2018 2:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CEO Cybersecurity Malaysia Dilantik Profesor Adjung AHSGS



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

17 OKTOBER 2018 / 08 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar Oleh: Abdul Halim Husain

CEO CYBERSECURITY MALAYSIA DILANTIK PROFESOR ADJUNG AHSGS



UUM ONLINE: Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) CyberSecurity Malaysia, Prof. Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab telah dilantik sebagai Profesor Adjung Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS) yang pertama.

Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim yang mewakili Naib Canselor UUM berkata, majlis ini membuktikan bahawa UUM komited dan amat menitikberatkan hubungan kolaborasi yang akrab antara IPTA dan industri.

“Kita amat berbangga kerana Dato’ sudi berkongsi ilmu dan pengalaman yang luas terutamanya dalam bidang keselamatan siber,” ucapnya sempena Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Profesor Adjung AHS GS, semalam.

Jelasnya, Profesor Adjung dianugerahkan kepada kakitangan bukan akademik yang mempunyai pengalaman luas dalam profesion beliau atau dalam sesuatu industri dan telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan sesuatu bidang ilmu.

Tambahnya, AHS GS sedang berusaha menawarkan satu program sarjana baharu iaitu program Sarjana Keselamatan Siber yang memfokuskan aspek keselamatan siber terutamanya dalam bidang pengurusan perniagaan sejajar dengan bidang tujahan utama UUM sebagai universiti pengurusan.

“Pastinya kolaborasi antara UUM dan CyberSecurity Malaysia merupakan titik tolak yang sangat positif dalam menyokong usaha ini.

“Banyak input yang boleh pihak kami perolehi untuk memastikan program baharu tersebut relevan dengan kehendak pasaran semasa yang sangat memerlukan pakar dalam bidang keselamatan siber,” ujarinya.

Sementara itu, Prof. Dato’ Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab yang turut menyampaikan syarahan buat julung kalinya berkata, ledakan teknologi yang mengalami perkembangan yang begitu pantas di era Revolusi Industri Keempat (IR4.0) menyebabkan mahasiswa bakal berdepan cabaran sengit pada masa akan datang.

“Kebelakangan ini, sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, bidang keselamatan siber merupakan suatu bidang yang sangat relevan untuk memastikan graduan yang dihasilkan bukan sahaja celik IT tetapi juga peka terhadap ancaman siber yang semakin meningkat.

“Menerusi perkongsian ilmu dan kepakaran dalam bentuk dua hala ini memberikan impak dan hasil yang lebih produktif untuk terus maju dan berdaya saing,” ujarinya.

Pada majlis itu, watikah disampaikan oleh Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim yang mewakili Naib Canselor UUM kepada Prof. Dato’ Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab.

Menurut Prof. Dr. Huda, pelantikan Prof. Dato’ Dr. Haji Amirudin adalah berdasarkan pengalaman luas beliau selama 25 tahun dalam bidang keselamatan siber di dalam serta luar negara.

“Saya yakin beliau dapat berkongsi pengalaman dengan pelajar berkaitan teknologi maklumat (IT) melalui program syarahan Profesor Anjung, seminar dan perjumpaan.

“Pelantikan ini bertujuan memastikan para graduan celik IT dan peka akan ancaman siber yang semakin berleluasa sempena adanya tawaran program sarjana baharu di UUM iaitu Sarjana Keselamatan Siber pada semester akan datang,” tambahanya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.